



## KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

### PERALIHAN KE SKIM TIME OF USE (ToU) BANTU RAKYAT JIMAT BIL DAN PERKASA KECEKAPAN TENAGA NEGARA

**PUTRAJAYA, 10 APRIL 2026** – Kerajaan menggalakkan rakyat Malaysia untuk beralih kepada Skim Time of Use (ToU) sebagai langkah praktikal dalam mengurus kos sara hidup melalui penjimatan bil elektrik, di samping menyokong agenda kecekapan tenaga negara.

Dalam suasana ketidaktentuan harga tenaga global, pendekatan penggunaan tenaga secara lebih bijak menjadi semakin penting. Skim ToU memberi peluang kepada pengguna menikmati kadar tarif elektrik yang lebih rendah pada waktu luar puncak berbanding waktu puncak, sekali gus membolehkan penjimatan melalui perubahan corak penggunaan harian.

Secara amnya, di bawah Skim ToU:

- **Waktu puncak (peak hours)** melibatkan tempoh permintaan elektrik tinggi, lazimnya pada waktu siang hingga malam (mulai pukul 2.00 petang hingga 10.00 malam pada hari bekerja), dengan kadar tarif yang lebih tinggi.
- **Waktu luar puncak (off-peak hours)** melibatkan tempoh permintaan lebih rendah seperti waktu malam hingga pagi, hujung minggu dan cuti umum, dengan kadar tarif yang lebih rendah.

Perbezaan kadar ini memberi insentif kepada pengguna untuk merancang penggunaan elektrik secara lebih efisien.

Melalui Skim ToU, pengguna boleh mengoptimumkan penggunaan elektrik dengan mengalihkan aktiviti berintensiti tenaga seperti penggunaan penyaman udara, mesin basuh, pemanas air dan pengecasan kenderaan elektrik ke waktu luar puncak. Pendekatan ini bukan sahaja membantu mengurangkan bil elektrik, malah menyumbang kepada penggunaan tenaga yang lebih cekap dan mampan.

Sehingga Februari 2026, **128,868 pengguna** telah beralih kepada Skim ToU, mencerminkan peningkatan kesedaran rakyat terhadap kepentingan pengurusan tenaga yang lebih efisien.

Kerajaan melihat Skim ToU sebagai antara inisiatif penting dalam:

- Membantu rakyat mengawal dan mengurangkan perbelanjaan bil elektrik
- Menggalakkan penggunaan tenaga secara lebih cekap
- Mengurangkan beban permintaan elektrik semasa waktu puncak

Selaras dengan itu, orang ramai digalakkan untuk mempertimbangkan migrasi ke Skim ToU bagi memanfaatkan struktur tarif yang lebih fleksibel serta menjadikan penggunaan tenaga sebagai satu amalan harian yang lebih bijak.

Kerajaan akan terus mempergiat usaha kesedaran agar manfaat penjimatan tenaga ini dapat dinikmati secara meluas oleh rakyat. Pendekatan ini seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan rakyat, kemampuan sumber serta kecekapan dalam tadbir urus, di mana penggunaan tenaga secara berhemah bukan sahaja membantu mengurangkan kos sara hidup, malah menyumbang kepada kemampuan alam sekitar dan pembangunan negara yang lebih seimbang untuk generasi masa hadapan.

## **KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** **10 April 2026**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)  
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: [ukk@petra.gov.my](mailto:ukk@petra.gov.my)

